

11/04/1999

Banyak dasar IMF tidak beri kesan

Wan Sabariah Shikh Ali

DALAM satu seminar media dianjurkan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Singapura minggu lalu, beberapa pegawai kanan tabung itu berkata pengawasan dan pemantauan terhadap aliran modal adalah satu daripada banyak persoalan ditimbulkan dalam usaha mewujudkan satu rangka kerja yang boleh diterima oleh majoriti negara.

Apabila dikemukakan soalan oleh wartawan Korea pada seminar itu bahawa apakah makna keupayaan memantau yang lebih baik jika negara terbabit tidak mempunyai kuasa kawalan terhadap aliran modal terutama modal jangka pendek, Pengarah Jabatan Asia Pasifik IMF, Hubert Neiss, berkata:

"Asas kepada apa yang disebutkan sebagai kerangka kewangan baru ialah mewujudkan sistem amaran awal untuk mengelakkan berlakunya krisis. Ini boleh dilakukan dengan pengawasan rapi terhadap sektor kewangan (bank dan bukan bank), kewangan korporat, aliran modal jangka pendek dan pasaran kewangan.

"Kedua, sekiranya krisis berlaku juga, negara mempunyai mekanisme untuk bertindak cepat dalam semua bidang dasar. Masyarakat kewangan antarabangsa pula cepat memastikan pembiayaan rasmi mencukupi diperolehi dengan pantas.

"Kedua-dua asas ini adalah ramuan penting kepada sistem kewangan antarabangsa yang selamat. Tetapi sejauh mana keberkesanan kawalan terhadap modal, sekiranya dilaksanakan, tidak dapat diketahui setakat ini kerana belum ada konsensus mengenainya." Apa yang menarik pada seminar itu ialah apabila pegawai tinggi IMF itu berkata perdebatan mengenai rangka kerja baru sistem kewangan itu adalah sahutan masyarakat antarabangsa terhadap seruan berulang kali pemimpin Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu dagangan mata wang dibuat dengan peraturan jelas. "Hakikat itu tidak dapat dinafikan. Sebelum Dr Mahathir membuka mulut, tidak ada perhatian diberikan kepada isu itu," katanya.

Pengarah IMF bagi Rantau Asia dan Pasifik, Kunio Saito, dalam kertas kerjanya mengenai kerangka kewangan baru antarabangsa dan pengurusan ekonomi cara Asia pada seminar itu, berkata rangka kerja yang diluluskan oleh G7 dan G22 mengandungi beberapa elemen penting.

Antaranya, mekanisme untuk membuat pasaran berfungsi dengan betul untuk mengelakkan berlakunya perlakuan gerombolan (herd behaviour). Ke arah itu, adalah penting untuk mengumpulkan data terutama mengenai hutang dan perangkaan rasmi untuk disebarikan kepada umum.

Saito berkata, untuk mengumpulkan data yang tepat, ketelusan dalam bidang belanjawan, dasar kewangan dan fiskal amat penting. Pada masa ini, katanya, IMF berusaha keras untuk mewujudkan Kod Ketelusan Dalam Perancangan Belanjawan.

"Beberapa negara sudahpun bersetuju mencuba kod ini untuk dijadikan contoh pelaksanaannya," katanya.

Elemen kedua dan ketiga katanya, ialah ketelusan dan akauntabiliti perlakuan korporat yang diterima antarabangsa serta strategi untuk memastikan kreditor turut bertanggungjawab terhadap kegiatan pembiayaan. Bagaimanapun, menurut Saito, untuk mendefinisikan piawaian bagi perlakuan korporat saja sudah menjadi satu halangan besar, apatah lagi untuk mewujudkan rangka kerja yang dipersetujui.

Elemen keempat dalam rangka kerja baru ialah isu yang dikemukakan oleh Malaysia dan kini disuarakan oleh banyak negara iaitu aliran modal jangka pendek atau wang panas yang melintasi sempadan.

IMF turut mengakui kegiatan spekulator yang membawa masuk keluar wang

dalam jangka pendek dengan kelajuan yang pantas menerusi teknologi komputer, adalah satu isu yang menjadi kebimbangan utama dalam era pascakrisis. Neiss dalam sesi soal jawab turut menyatakan kebimbangan negara anggota IMF terhadap kegiatan dana lindung nilai kini banyak disuarakan selain aliran keluar oleh penduduk dalam negara sendiri.

Kedua-dua punca aliran keluar modal ini adalah dua elemen penting yang dikawal dalam langkah kawalan tukaran asing dilaksanakan oleh Malaysia.

Saito turut melontarkan senario Asia selepas reformasi kewangan dan kerangka kewangan baru dilaksanakan.

Secara teorinya, kata beliau, bank di rantau ini akan lebih sihat, tidak ada lagi pinjaman tidak berbayar dan hutang keterlaluan. Institusi kewangan juga akan menerima pakai garis panduan yang diterima antarabangsa berhubung ketelusan dan pentadbiran korporat.

"Tidak ada lagi rasuah, kronisme dan pakatan sulit. Aliran modal akan masuk semula, kecuali mungkin aliran modal jangka pendek dan pertumbuhan pulih kembali. Tetapi ini adalah senario yang ideal dan tidak dijangka dapat dicapai dalam tempoh terdekat," katanya.

Seminar itu turut membincangkan kemajuan dan perbandingan pencapaian program pemulihan ekonomi yang disokong pakej kewangan IMF di Indonesia, Thailand dan Korea.

IMF menegaskan program pemulihan ekonomi yang disokongnya di Indonesia, Thailand dan Korea berjalan dengan baik, walaupun dikritik hebat. Ia turut menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia, walaupun diakui berjalan dengan baik, tidak disumbangkan secara langsung oleh kawalan tukaran asing.

Kedua-dua Neiss dan Saito jelas tidak menyokong langsung kawalan modal dalam apa bentuk sekalipun, walaupun mengakui sokongan masyarakat antarabangsa terhadap cara Malaysia itu semakin meningkat.

Tetapi di luar dewan seminar, kedua-duanya sependapat cara Dr Mahathir menangani kegawatan ekonomi di Malaysia jelas menampilkan hasil.

Dalam laporan penilaian awal dikemukakan oleh pasukan Timothy Lane, Atish R Ghosh, Javier Hamann, Steven Phillips, Marianne Schulze-Ghattas dan Tsidi Tsikata, yang dibentangkan Januari lalu, IMF mengakui programnya di ketiga-tiga negara berkenaan gagal memulihkan keyakinan dengan cepat, akaun modal tidak banyak diperbaiki malah aliran modal keluar berterusan, ketidaktentuan politik dan sosial berleluasa sehingga menyebabkan aliran keluar dan penurunan nilai berterusan.

Ia diburukkan lagi oleh kebangkrapan institusi kewangan dan perbadanan swasta yang semakin mendalam, menimbulkan risiko pelbagai pihak yang menambah tekanan kepada pasaran tukaran asing.

Persoalan mengenai cara IMF menangani krisis kewangan Asia disimpulkan dengan menarik oleh wartawan dari Filipina yang menyatakan:

"Anda terus mengulangi betapa bagusnya program IMF. Malangnya seperti dikemukakan oleh banyak ahli ekonomi yang merasakan IMF memang patut dipersalahkan terhadap sebahagian daripada apa yang sedang berlaku sekarang, di sesetengah negara kesannya lebih buruk berbanding negara lain.

"Anda banyak menyebut contoh baik kesan dasar IMF di Filipina, tetapi nyatanya IMF meminta Kerajaan Filipina mengekalkan kadar faedah yang tinggi untuk melindungi nilai mata wang, dan hakikatnya dasar kerajaan kami sekarang tidak ikut apa yang dicadangkan oleh IMF malah cuba menurunkan kadar faedah.

"Apabila IMF sedar banyak dasar yang dicadangkannya tidak memberi kesan baik, ia bertukar langkah terhadap banyak dasarnya sendiri termasuklah mengenai dasar kawalan modal dan kini menyatakan kami mesti berfikir sendiri untuk mencari jalan penyelesaian."

Badan antarabangsa itu juga menerima kritikan hebat mengenai sejauh mana

pengaruhnya dalam menentukan dasar ekonomi sesebuah negara yang menerima pakej kewangannya.

Pengarah Institut Latihan Serantau IMF-Singapura, Donal Donovan, menafikan bahawa IMF mengenakan syarat supaya negara penerima bantuan menjalankan dasar tertentu mengikut telunjuknya.

(END)